

TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MAJLIS PERASMIAN
NATIONAL CONSTRUCTION AND ENGINEERING SYMPOSIUM 2016
DEWAN SULTAN ISKANDAR, UTM
4 MEI 2016 (RABU)

[Salutasi akan dimuktamadkan kemudian]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini untuk menghadiri Majlis Perasmian Program ***“National Construction and Engineering Symposium 2016 (NCES16)”*** ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Persatuan Kejuruteraan Awam (PEKA), UTM kerana telah sudi untuk menjemput saya hadir sebagai Tetamu Kehormat dalam majlis ini dan sekali gus sebagai perasmi bagi program yang terulung ini.
3. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Pengarah Program, iaitu saudara Muhammad Azwan bin Md Khalid serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus untuk menjayakan penganjuran simposium ini. Saya pasti tanpa kerjasama yang erat dan padu antara pihak sekretariat dengan mahasiswa UTM, program ini tidak akan dapat untuk dilaksanakan dengan jayanya.
4. Saya telah difahamkan bahawa NCES adalah merupakan salah satu daripada program-program utama yang dianjurkan oleh PEKA dengan matlamat utamanya adalah untuk memberi ruang dan peluang pekerjaan, wadah untuk menyalurkan idea-idea kreatif dan inovatif dan

juga sebagai platform untuk memperluaskan ilmu pengetahuan berkaitan bidang pembinaan dan kejuruteraan. Saya juga telah dimaklumkan bahawa program ini diharapkan akan dapat memberi didikan serta penyemaian semangat cintakan alam sekitar sejajar dengan tema NCES pada tahun ini iaitu ***“Sustainable Technology Creates Better Tomorrow”***.

5. Tahun ini adalah merupakan tahun kedua penganjurannya dan inisiatif ini amat disambut baik oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Saya percaya melalui program seumpama ini, ianya amat bertepatan dengan dasar pembangunan negara iaitu untuk memperkasakan masyarakat Malaysia melalui inovasi dalam pembangunan yang lestari. Saya juga dimaklumkan bahawa buat julung kalinya pada tahun ini, PEKA dan Majlis Perwakilan Mahasiswa Kejuruteraan Awam (MPM FKA) dengan kerjasama Fakulti Alam Bina, Fakulti Pengurusan dan Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah telah berkolaborasi di bawah satu bumbung yang sama untuk menjayakan penganjuran program NCES ini. Saya berasa amat gembira dengan kerjasama seumpama ini kerana ianya akan dapat memastikan sesuatu kejayaan dan kecemerlangan melalui penggemblengan tenaga oleh semua pihak.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

6. Seperti semua sedia maklum, antara cabaran dalam mencapai taraf sebagai sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi adalah usaha adalah untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh yang akan dapat memanfaatkan teknologi dan menyumbang kepada pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan. Pembangunan sumber tenaga manusia dalam sains dan teknologi telah dikenal pasti sebagai salah satu keutamaan memandangkan peranannya yang cukup besar dalam pembangunan dan sistem ekonomi negara. Saya percaya objektif program NCES ini adalah sejajar dengan usaha dan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan minat dan penumpuan masyarakat Malaysia terutamanya para pelajar terhadap bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

7. Pembudayaan serta pemupukan minat para pelajar pada peringkat awal dalam bidang S&T yang berkebolehan untuk berfikir secara kritis dan beraras tinggi adalah amat kritikal dan seharusnya dilakukan pada peringkat awal dalam memastikan kita berupaya untuk melahirkan golongan bijak pandai yang akan mendukung pembangunan negara kita nanti.

8. Bagi Malaysia untuk mencapai tahap negara maju yang berpendapatan tinggi, kita perlu melahirkan 70 orang saintis, ahli matematik dan pakar teknologi bagi setiap 10,000 orang tenaga kerja menjelang tahun 2020 kelak. Pada masa ini, kita hanya berjaya untuk mencapai 50 orang saintis, ahli matematik dan pakar teknologi bagi setiap 10,000 orang tenaga kerja. Sehingga tahun 2014, usaha kita untuk mencapai 60 peratus pelajar yang mendalami atau mengikuti jurusan sains masih belum dapat dicapai sepenuhnya memandangkan hanya 21 peratus jumlah pelajar sahaja yang mendalami bidang sains jika dibandingkan dengan mata pelajaran yang lain seperti bidang seni dan sebagainya.

9. Usaha untuk menghasilkan bakal-bakal saintis, ahli matematik dan pakar teknologi yang bertaraf dunia memerlukan sinergi dan usaha yang mantap serta berterusan daripada pelbagai pihak. Pihak MOSTI amat mengharapkan kerjasama yang erat serta sokongan yang tidak berbelah bahagi daripada badan-badan korporat dan pihak swasta untuk sentiasa berterusan menyokong usaha Kerajaan dalam pembangunan pendidikan generasi muda terutamanya dalam bidang STI.

Tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saya amat berbangga dengan penyertaan para mahasiswa melalui penganjuran program seperti ini. Saya berkeyakinan bahawa penyertaan sebegini boleh dijadikan sebagai suatu platform yang akan dapat membimbing tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk lebih bijak mengurus masa selain dapat membantu para mahasiswa untuk pembelajaran S&T mereka secara tidak rasmi selain untuk mengasah bakat berkomunikasi dan menaikkan tahap keyakinan para mahasiswa

sebagai bekal pada masa hadapan. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua yang telah terlibat dan semoga segala usaha dan kerja keras para mahasiswa ini akan dapat menjadi contoh dan panduan kepada mahasiswa dan mahasiswi yang lain.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, izinkan saya sekali lagi untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pengarah program, saudara Muhammad Azwan bin Md Khalil dengan kerjasama semua AJK yang telah terlibat untuk menganjurkan ***“National Construction and Engineering Symposium 2016 (NCES16)”*** ini dengan jayanya. Syabas juga diucapkan kepada semua pihak yang telah bersama-sama untuk memberi sokongan dan sumbangan dalam inisiatif ini yang akan menyumbang kepada agenda pendidikan Kerajaan bagi melahirkan generasi muda yang cemerlang. Saya mewakili Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) amat menyambut baik dan menyokong inisiatif-inisiatif yang akan membawa manfaat kepada para mahasiswa khususnya dan masyarakat Malaysia secara umumnya. Saya amat berharap agar program seumpama ini akan terus diadakan pada masa hadapan demi kemaslahatan bangsa Malaysia.

12. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, dengan ini saya merasmikan Majlis Perasmian Program ***“National Construction and Engineering Symposium 2016 (NCES16)”*** ini.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.